

INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



**PRU-15: TIADANYA PARTI POLITIK YANG MENANG
MAJORITI MUDAH 112 KERUSI PARLIMEN UNTUK
MEMBENTUK KERAJAAN PERSEKUTUAN MALAYSIA**

*GENERAL ELECTION-15: THERE IS NO POLITICAL PARTY THAT WON A
SIMPLE MAJORITY OF 112 PARLIAMENTARY SEATS TO FORM THE
MALAYSIAN FEDERAL GOVERNMENT*

Junaidi Awang Besar^{1*}

¹ Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran; Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan; Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor

Email: jab@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 03.01.2023

Revised date: 30.01.2023

Accepted date: 23.02.2023

Published date: 07.03.2023

To cite this document:

Awang Besar, J. (2023). PRU-15: Tiadanya Parti Politik Yang Menang Majoriti Mudah 112 Kerusi Parlimen Untuk Membentuk Kerajaan Persekutuan Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (31), 97-121.

DOI: 10.35631/IJLGC.831008.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Tahun 2022 merupakan tahun penting bagi politik demokrasi di Malaysia. Ini kerana, satu Pilihan Raya Umum (PRU) diadakan bagi memilih wakil rakyat untuk membentuk sebuah kerajaan yang lebih kukuh dan stabil setelah negara ini mengalami pergolakan politik dengan pelantikan tiga orang Perdana Menteri sehinggalah pelabur asing keliru dengan kedudukan politik Malaysia tersebut. Setelah PRU diadakan, politik Malaysia masih buntu kerana tiada gabungan parti politik secara tunggal memenangi PRU tersebut dengan majoriti mudah iaitu 112 kerusi Parlimen justeru, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis keputusan tersebut iaitu buat pertama kali dalam sejarah politik Malaysia bahawa tiadanya parti politik secara tunggal memenangi PRU tersebut sepertimana 14 PRU sebelum ini. Berdasarkan analisis data keputusan PRU 2022, pemerhatian di lapangan dan analisis sumber sekunder seperti artikel jurnal dan kertas persidangan, dapatan kajian menunjukkan bahawa Pakatan Harapan (PH) memenangi 82 kerusi, Perikatan Nasional (PN) mendapat 74 kerusi, Barisan Nasional (BN) 30 kerusi, Gabungan Parti Sarawak (GPS) 23 kerusi, Gabungan Rakyat Sabah (GRS) 6 kerusi, Parti Warisan Sabah (WARISAN) 3 kerusi, Parti Bangsa Malaysia (PBM) 1 kerusi, Parti Kesejahteraan Demokratik Masyarakat (KDM) 1 kerusi dan Bebas 2 kerusi. Keputusan PRU ini menunjukkan tiadanya satu parti tunggal berjaya mendapat majoriti mudah 112 kerusi untuk menguasai Parlimen dan Kerajaan Persekutuan. Keputusan ini disebabkan kegagalan BN untuk memenangi majoriti mudah akibat peralihan besar undi Melayu kepada PN. Peralihan besar undi ini berfaktorkan kepada kesedaran pengundi Melayu untuk memilih parti politik dan pemimpin yang

bersih dan dapat diharapkan memperjuangkan hak orang Melayu dan Islam. Hasil kebijaksanaan titah serta nasihat Baginda Yang Dipertuan Agong maka terbentuklah Kerajaan Perpaduan daripada 148 ahli Parlimen iaitu majoriti 2/3 daripada 222 ahli Parlimen Malaysia yang terdiri daripada PH, BN, GPS, GRS, WARISAN, KDM, PBM dan 2 orang ahli Parlimen Bebas. PN (74 ahli Parlimen) tidak menyertai Kerajaan Perpaduan dan bertindak menjadi pembangkang. Dengan itu juga, Dato' Seri Anwar Ibrahim daripada PH telah dilantik sebagai Perdana Menteri Ke-10. Oleh itu, parti politik di negara ini tiada pilihan yang terbaik selagi memerlukan undi Melayu-Islam untuk menguasai kerusi Parlimen sebanyak mungkin dan dapat membentuk Kerajaan yang kuat dan stabil.

Kata Kunci:

Politik Demokrasi, Pilihan Raya Umum, Wakil Rakyat, Parti Politik, Kerajaan

Abstract:

The year 2022 is an important year for democratic politics in Malaysia. This is because a General Election (GE) was held to elect representatives to form a stronger and more stable government after the country experienced political turmoil with the appointment of three Prime Ministers to the extent that foreign investors were confused by Malaysia's political position. After the GE was held, Malaysian politics was still at a standstill because no single political party coalition won the GE with a simple majority of 112 parliamentary seats, therefore, the purpose of writing this article is to analyze the results, which is the first time in Malaysian political history that there is no political party won the GE just like the previous 14 GEs. Based on data analysis of the 2022 GE results, observations in the field and analysis of secondary sources such as journal articles and conference papers, the findings show that Pakatan Harapan (PH) won 82 seats, Perikatan Nasional (PN) won 74 seats, Barisan Nasional (BN) 30 seats, Gabungan Parti Sarawak (GPS) 23 seats, Gabungan Rakyat Sabah (GRS) 6 seats, Parti Warisan Sabah (WARISAN) 3 seats, Parti Bangsa Malaysia (PBM) 1 seat, Social Democratic Prosperity Party (KDM) 1 seat and Independent 2 seats. The results of this general election show that no single party managed to get a simple majority of 112 seats to dominate Parliament and the Federal Government. This result is due to BN's failure to win a simple majority due to the large shift of Malay votes to PN. This large shift in votes is a factor in the awareness of Malay voters to choose clean political parties and leaders who can be expected to fight for the rights of Malays and Muslims. As a result of the wisdom of His Majesty the Yang Dipertuan Agong's orders and advice, a Unity Government was formed from 148 members of Parliament which is a 2/3 majority of the 222 members of the Malaysian Parliament consisting of PH, BN, GPS, GRS, WARISAN, KDM, PBM and 2 Independent Members of Parliament. PN (74 members of Parliament) did not join the Unity Government and acted as the opposition. With that as well, Dato' Seri Anwar Ibrahim from PH has been appointed as the 10th Prime Minister. Therefore, political parties in this country do not have the best option as long as they need Malay-Muslim votes to control as many Parliament seats as possible and be able to form a strong and stable Government.

Keywords:

Democratic Politics, General Elections, Elected Representatives, Political Parties, Government

Pengenalan

Pilihan Raya Umum Malaysia ke 15 (PRU-15) diadakan dalam keadaan baik tanpa berlakunya sebarang insiden besar. Namun beberapa negeri iaitu negeri yang diperintah oleh parti bukan Barisan Nasional (BN) iaitu Kelantan, Terengganu, Kedah, Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan bertindak tidak membubarkan DUN mereka atas alasan untuk menghabiskan baki setahun genap 5 tahun penggal pemerintahan di samping alasan kelembapan ekonomi dan keadaan cuaca yang kurang mengizinkan terutamanya di negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Negeri Sabah, Melaka dan Johor juga tidak dibubarkan DUN kerana telah dilaksanakan Pilihan Raya Negeri beberapa tahun lepas. Namun begitu, PRU-15 bagi kerusi DUN tetap dilaksanakan di negeri yang dikuasai iaitu Perlis, Perak dan Pahang.

Keputusan PRU-15 menunjukkan bahawa tiada satu gabungan parti politik yang berjaya mendapat majoriti mudah 112 kerusi daripada 222 kerusi Parlimen yang dipertandingkan. Pakatan Harapan (PH) memenangi 82 kerusi, Perikatan Nasional (PN) mendapat 74 kerusi, Barisan Nasional (BN) 30 kerusi, Gabungan Parti Sarawak (GPS) 23 kerusi, Gabungan Rakyat Sabah (GRS) 6 kerusi, Parti Warisan Sabah (WARISAN) 3 kerusi, Parti Bangsa Malaysia (PBM) 1 kerusi, Parti Kesejahteraan Demokratik Masyarakat (KDM) 1 kerusi dan Bebas 2 kerusi. Oleh itu, Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong iaitu Al Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah telah mencadangkan agar semua parti politik bergabung untuk membentuk Kerajaan Perpaduan. Titah ini disahut dengan persetujuan oleh Pengerusi PH iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim, namun ditolak oleh Pengerusi PN iaitu Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin. Kerajaan Perpaduan tersebut yang diketuai Dato' Seri Anwar Ibrahim disokong oleh 148 ahli Parlimen daripada PH, BN, GPS, GRS, WARISAN, KDM, PBM dan 2 orang ahli Parlimen Bebas. PN (74 ahli Parlimen) tidak menyertai Kerajaan Perpaduan dan bertindak menjadi pembangkang. Justeru, artikel ini akan merungkai keputusan, faktor dan pola pengundian hasil daripada tiadanya parti politik yang menang majoriti mudah 112 kerusi parlimen untuk membentuk Kerajaan Persekutuan Malaysia.

Kajian Lepas

NSTP Research and Information Services (1994) memperihalkan bahawa Malaysia mengamalkan sistem Parlimen Persekutuan yang demokratik dengan konstituensi beraja yang menggunakan model British Westminster. Malaysia juga mengamalkan doktrin pengasingan kuasa antara eksekutif, perundangan dan kehakiman. Junaidi et al. (2012) dalam artikel jurnal yang bertajuk 'Persepsi politik pengundi belia Melayu pasca pilihan raya umum (PRU) 2008 di Malaysia' mendapati belia Melayu inginkan kebebasan bersuara dan memenuhi keperluan mereka.

Junaidi et al. (2014) dalam artikel jurnal yang bertajuk "Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu Analisis 'Tsunami Politik Bandar'" mendapati bahawa 'tsunami politik bandar' berlaku disebabkan oleh faktor akses pengundi bandar kepada sumber maklumat politik daripada media alternatif seperti facebook, twitter, laman web, blog dan juga SMS di samping faktor sokongan padu pengundi etnik Cina bandar dan sokongan golongan profesional dan pengundi muda kepada Pakatan Rakyat (PR). Menurut Junaidi (2016) melalui penulisan artikel jurnalnya yang bertajuk "Perkaitan Sumber Maklumat dengan Sokongan kepada Parti Politik", beliau menyatakan bahawa akses sumber maklumat melalui pembacaan dan maklum balas terhadap sesuatu maklumat akan mempengaruhi pendirian seseorang sama ada bersikap percaya sepenuhnya ataupun menafikan maklumat yang diperoleh tersebut.

Junaidi (2017) dalam artikel jurnal yang bertajuk “Trend pengundian dalam pilihan raya umum Malaysia ke 13” mendapati pilihan raya ini merupakan yang paling sengit dalam sejarah sehingga disifatkan sebagai “ibu segala pilihan raya”. Kajian mendapati keputusan pilihan raya pada peringkat kerusi Parlimen menunjukkan pengurangan jumlah kerusi yang dimenangi oleh BN dengan kemenangan hanya 133 kerusi.

Junaidi, Abdul Muein & Ahmad Afif (2018) dalam kertas kerja yang bertajuk “Gelombang Rakyat Dalam Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14, 2018 di Malaysia” menghuraikan bahawa tekad untuk jatuhkan BN, faktor ekonomi/beban/kos sara hidup rakyat, kerosakan imej atau personaliti/peribadi pemimpin dan parti, kesepaduan Pakatan Harapan, peranan media sosial, pengaruh Tun Dr. Mahathir, pengaruh 1.4 juta pengundi baru/muda dan perang persepsi telah berjaya membentuk satu gelombang yang akhirnya telah menumbangkan BN dalam PRU kali ini. PH berjaya menewaskan BN dan PAS pada peringkat kerusi parlimen dengan 122-79-18.

Junaidi (2018) dalam kertas kerja yang bertajuk “Analisis Faktor Geografi Terhadap Pola Pengundian Dalam Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14, 2018 di Malaysia” menjelaskan bahawa apa yang menariknya keputusan dan pola pengundian PRU 2018 ialah kemenangan parti yang bertanding dibentuk daripada faktor geografi yang terpisah antara satu sama lain. PH secara majoritinya menang di wilayah atau zon Pantai Barat Semenanjung Malaysia terutamanya di kawasan bandar dan separa bandar manakala PAS menang di zon Pantai Timur Semenanjung Malaysia manakala BN kekal menguasai kawasan luar bandar terutamanya di negeri terkecil iaitu Perlis dan juga negeri terbesar di Semenanjung Malaysia iaitu Pahang. Harold (2018) menyatakan bahawa isu GST, skandal 1MDB, FELDA FGV, pemimpin kleptokrasi dan sebagainya telah membuka mata pengundi di negara ini dengan penuh berani untuk menyelamatkan negara dengan mengundi parti pembangkang terutamanya PH.

Artikel jurnal oleh Junaidi (2019) iaitu “Perubahan politik dalam pilihan raya umum (PRU) ke-14, 2018 di Malaysia”, beliau menyatakan bahawa kemenangan Pakatan Harapan (PH) dalam PRU-14 merupakan suatu keputusan yang dilihat sebagai ‘luar biasa’. Hal ini kerana parti pakatan pembangkang tersebut telah berjaya meranapkan penguasaan Barisan Nasional (BN) terhadap Kerajaan Malaysia sejak 63 tahun yang lalu. Muhamad Takiyuddin (2019) dalam buku yang bertajuk “Bantuan Demokrasi dan Pendanaan Asing di Malaysia MMelewati Pertukaran Rejim” menjelaskan bahawa pertukaran rejim dalam PRU-14 dikaitkan dengan peranan aktor luar dalam mempengaruhi trajektori pendemokrasian di sebuah negara semiautoritarian seperti Malaysia.

Ostwald (2019) dalam bab dalam buku yang bertajuk “Against the Odds: Malaysia’s Electoral Process and Pakatan Harapan Unlikely Victory” menjelaskan bahawa kekalahan BN dan kemenangan PH dalam PRU 2018 adalah kejutan politik di luar jangkaan semua pihak. Namun semua pihak perlu berlapang dada untuk sama-sama membina negara yang stabil dan harmonis. Kauthar, Khairul & Najib (2019) dalam buku yang bertajuk “Jangan Selewengkan Ekonomi Malaysia” menjelaskan bahawa isu ekonomi pasca PRU-14 perlu ditangani dengan baik tanpa bermotofkan politik semata-mata.

Rosmadi, Mohd Muslim & Muhammad Fathi (2019) dalam bab dalam buku yang bertajuk ‘Cabaran Hala Tuju Politik Malaysia Pasca PRU Ke-14’ menjelaskan bahawa antara cabaran Kerajaan PH selepas menguasai Putrajaya ialah program pemulihan ekonomi negara dan mendapat sokongan daripada pengundi Melayu yang majoritinya menyokong BN dan PAS.

Edmund & Mohamed Nawab (2020) dalam bab dalam buku mereka yang bertajuk 'Introduction: Malaysia's 14th General Election and UMNO's Fall: Intra-Elite Feuding and the Pursuit of Power' menjelaskan bahawa terdapat beberapa faktor yang membawa kepada kekalahan BN dalam PRU 2018 antaranya ialah perpecahan dalam UMNO yang menyebabkan penubuhan parti serpihan iaitu BERSATU dan WARISAN yang membawa sekali pemimpin besar dan pengikutnya, perpecahan PAS yang membentuk parti AMANAH, pengukuhan PKR serta penggunaan 1 logo sahaja iaitu logo PKR mewakili PH yang mempunyai 4 parti komponen dalam PRU 2018, serta pengaruh dan pengalaman Tun Dr. Mahathir sebagai bekas Perdana Menteri.

SUARAM (2020) dalam buku "Malaysia Human Right Report 2019: Civil and Political Right" menjelaskan bahawa politik perkauman yang bersifat negatif masih dimainkan dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) pasca PRU 2018 seperti di kawasan Parlimen Cameron Highlands. Ini mewujudkan suasana politik tidak baik untuk perpaduan kaum seterusnya mewujudkan rasa politik curiga dan politik kebencian yang tidak berkesudahan.

Junaidi et al. (2020a) dalam artikel jurnal yang bertajuk "Pola pengundian dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) 2018 di Malaysia di kawasan bandar dan luar bandar" menjelaskan dalam PRU 2018, hampir kesemua kawasan bandar dimenangi oleh Pakatan Harapan (PH) dan sebahagian kecil dimenangi oleh PAS iaitu di kawasan bandar di wilayah Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Bagi kawasan luar bandar pula, kawasan majoriti Melayu dikuasai UMNO/BN dan juga oleh PAS di Kelantan, Terengganu dan juga sebahagian luar bandar di Kedah. Terdapat juga kawasan luar bandar yang dimenangi oleh sama ada BN, PAS dan PH dengan majoriti tipis disebabkan perpecahan undi ketiga-tiga blok parti. Ini disebabkan oleh segmen demografi pengundi yang berbeza sama ada oleh pengundi setempat, pengundi muda, pengundi luar dan juga pengundi berpendidikan yang lebih tinggi.

Junaidi et al. (2020b) dalam artikel jurnal yang bertajuk "Pilihan Raya Kecil (PRK) pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2018 di Malaysia" menjelaskan bahawa sebahagian besar daripada 10 PRK pasca PRU 2018 di Malaysia memperlihatkan pada awalnya peratusan keluar mengundi semakin merosot iaitu di bawah 50 peratus, wujudnya kerjasama/taawun politik (perpaduan ummah) antara UMNO (BN) dengan PAS. Junaidi, Nur Ellyanis & Muhammad Hazim (2020) dalam artikel jurnal yang bertajuk "Prestasi dan Penerimaan Pengundi Terhadap Parti Islam Semalaysia (PAS) dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 di Wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia" menjelaskan bahawa PAS sukar mendapat sokongan padu daripada pengundi di kawasan Pantai Barat kerana ketidakyakinan pengundi terhadap kemampuan PAS dengan mengambil contoh pemerintahan PAS di Kelantan yang menyebabkan rakyat di negeri tersebut terus dibelenggu kemiskinan dan kemudahan infrastruktur yang kurang baik.

Ahmad (2020) dalam buku "Langkah Sheraton" menyatakan bahawa percaturan politik Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad menghasilkan warna-warni politik yang akhirnya mencetuskan Langkah Sheraton yang menjatuhkan Kerajaan Pakatan Harapan tanpa melalui pilihan raya. Muhamad Nadzri (2020) dalam bab dalam buku yang bertajuk "Ops Sheraton and Implikasinya Terhadap Konsep Politik dan Perundangan Malaysia" menyatakan bahawa walaupun lompat parti adalah sah walaupun tidak bermoral namun hal ini jika tidak diperbetulkan akan menghilangkan fungsi sebenar pilihan raya dijalankan.

Hasri (2020) dalam bab dalam buku yang bertajuk “Mengkhianati Mandat Rakyat atau Menjaga Kestabilan Negara” menjelaskan bahawa Kerajaan PN tetap boleh dilabel sebagai mengkhianati mandat rakyat dalam PRU-14 yang inginkan PH memerintah negara ini dengan penunaian manifesto selama 5 tahun pemerintahan. Francis (2020) dalam buku yang bertajuk “Hijack in Malaysia: The Fall of Pakatan Harapan” menjelaskan bahawa sejak kejatuhan Kerajaan PH di Putrajaya dan di beberapa negeri, rakyat Malaysia sudah muak dengan tingkah laku ahli politik terutamanya wakil rakyat yang sangat tekun berpolitik demi kuasa untuk kepentingan diri sendiri berbanding perjuangan untuk rakyat.

Anis (2020) dalam bab dalam buku yang bertajuk “Kiblat Pilihan Raya Umum Ke-15” menyatakan bahawa jika BN dan PAS bersama BERSATU berjaya disatukan dalam PRU-15 maka gabungan tersebut akan memperoleh kerusi Parlimen lebih daripada 2/3 malahan dapat membentuk kerajaan yang lebih stabil dalam sejarah politik Malaysia. Ismail (2021) dalam bab dalam buku yang bertajuk “The Role of Social Media on Political Voting Behaviour in 14th General Election” menjelaskan bahawa media sosial merupakan medium yang mudah mempengaruhi persepsi dan sokongan politik pengundi kerana isu yang disampaikan melalui media tersebut sangat senang difahami, cepat dan dapat mempengaruhi perasaan pengundi yang melayari media tersebut.

Ismail, Suhaimie & Noor Nirwandy (2021) dalam bab dalam buku yang bertajuk “Trend pengundian menjelang pilihan raya ke-14” menjelaskan bahawa calon yang mampu membawa kemajuan di sesuatu kawasan dan isu setempat masih dapat mempengaruhi pola pengundian PRU-14. Abu (2021) dalam buku yang bertajuk “Parti Keadilan Rakyat: Jejak-Jejak Kelahiran, Mengislah Kenegaraan” menjelaskan bahawa pembentukan parti berbilang kaum ini adalah hasil usaha penggerak reformasi yang menjiwai perjuangan Dato’ Seri Anwar Ibrahim untuk melihat negara ini mengamalkan sistem pemerintahan yang bersih, adil, cekap, kompeten dan telus serta bertatakelola yang baik demi rakyat jelata.

Zawiyah (2021) dalam buku “Ketidakakuran Sivil dan Pendemokrasian Landskap Politik Malaysia 1998-2018” menyatakan bahawa ketidakakuran sivil telah membawa kepada protes terhadap penguasa yang pada akhirnya akan menjatuhkan kerajaan tersebut tanpa disangka-sangka. Azhari (2021) dalam buku yang bertajuk “The Politics of Visioning and Coalition Building in Malaysia” menjelaskan bahawa Kerajaan Persekutuan yang terbentuk selepas PRU-14 berpeluang untuk membina Malaysia Baharu yang sarat dengan reformasi institusi ke arah pemerintahan yang berintegriti dan adil kepada semua pihak. Dennis (2021) dalam buku yang bertajuk “*Paradise Lost: Mahathir & The End of Hope*” menjelaskan bahawa kebijaksanaan Mahathir dalam mencatur politik Malaysia akhirnya terlerai apabila jatuhnya Kerajaan PH pimpinan beliau dan digantikan dengan dua orang Perdana Menteri.

Muhaimin (2021) dalam buku yang bertajuk “Menang dan Terbuang: Demokrasi. ‘Deep State’ dan Darurat” menyatakan bahawa Mac 2022 merupakan episod yang palinh menyedihkan dalam politik negara kerana kejatuhan Kerajaan PH disebabkan oleh ahli politik yang pentingkan diri sendiri untuk mendapat habuan wang, jawatan dan harta dunia. Muhamad Takiyuddin & Norazam (2021) dalam buku yang bertajuk “Pemantauan Pilihan Raya di Malaysia: Tadbir Urus dan Peranan Masyarakat Sivil” menjelaskan bahawa pemantauan pilihan raya adalah penting bagi memastikan tadbir urus pilihan raya yang dijalankan mematuhi prinsip demokrasi.

Junaidi (2021a) dalam artikel jurnal yang bertajuk “Evolusi dan Dinamika Geopolitik dan Sosiopolitik Gerakan Politik Di Malaysia” menjelaskan bahawa wujud geopolitik atau kuasa gerakan politik berlandaskan kepada keadaan penguasa politik pada sesuatu masa manakala sosiopolitik gerakan politik memperlihatkan penyertaan rakyat terhadap gerakan politik pada sesuatu masa adalah berdasarkan kepada isu semasa, perkembangan teknologi komunikasi maklumat, kepimpinan dan keadaan sosioekonomi semasa.

Junaidi (2021b) dalam bab dalam buku yang bertajuk “Pengaruh Geografi Terhadap Pola Pengundian dalam Pilihan Raya Umum ke-14” untuk buku ‘Geografi Pilihan Raya di Malaysia: Amalan dan Aplikasi’ menjelaskan bahawa keputusan dan pola pengundian dalam pilihan raya terutamanya PRU 2018 masih dipengaruhi oleh faktor geografi ruangan dan persekitaran. Junaidi (2021c) dalam bab dalam buku yang bertajuk “Geopolitik Etnik dalam Pilihan Raya Umum Ke-14” untuk buku ‘Geografi Pilihan Raya di Malaysia: Amalan dan Aplikasi’ menjelaskan bahawa geopolitik kaum pada PRU 2018 menunjukkan sokongan terhadap BN/UMNO bergantung kepada undi yang disumbangkan oleh kaum Melayu manakala kekuatan undi Pakatan Harapan bergantung kepada undi kaum Cina/Tionghua.

Junaidi (2021d) dalam bab dalam buku yang bertajuk “Pengenalan” untuk buku ‘Dinamika Politik Pilihan Raya di Malaysia dalam PRU-14’ menjelaskan bahawa PRU-14, 2018 telah berlangsung dengan tenang tapi hangat namun penuh dramatik. Ramai pihak menjangkakan BN akan terus menang dan berjaya mengekalkan kekuasaan pada peringkat nasional dengan majoriti mudah serta jumlah kerusi parlimen yang sedikit menurun. Namun tanpa disangka-sangka, buat pertama kali dalam sejarah 14 kali PRU di negara ini, BN tewas setelah 61 tahun menguasai pemerintahan pada peringkat pusat/negara.

Junaidi (2021e) dalam artikel jurnal yang bertajuk “Prestasi UMNO dan Parti Amanah Negara (AMANAH) Dalam PRU-14 dan Pasca PRU-14” menghujahkan bahawa meskipun UMNO selaku tunjang dalam BN telah tewas pada peringkat persekutuan dan beberapa negeri namun parti politik tersebut masih mengekalkan penguasaan di kawasan majoriti pengundi etnik Melayu di kawasan luar bandar. UMNO berjaya menguasai Kerajaan Negeri Pahang dan Perlis disamping menjadi pembangkang majoriti di Parlimen. AMANAH pula meskipun bertanding tidak banyak kerusi Parlimen dan DUN hasil daripada pembahagian kerusi pilihan raya antara parti-parti dalam PH namun masih berjaya memenangi kerusi di kawasan bandar dan separa bandar yang berkomposisikan etnik campuran.

Junaidi et al. (2021) dalam artikel jurnal yang bertajuk “Trend Pengundian Dalam Pilihan Raya Umum 1986-2018 Di Malaysia Berdasarkan Pemetaan Geografi” mendapati bahawa terdapat beberapa elemen geografi yang dapat dikaitkan dengan keputusan dan pola pengundian iaitu dari segi lokasi dan kewilayahan. Pola pengundian antara lapan PRU tersebut menunjukkan berlakunya turun-naik atau pendulum berdasarkan pencapaian jumlah kerusi sama ada Parlimen dan DUN antara parti pemerintah yang sejak sekian lamanya (1955-2013) iaitu Perikatan/Barisan Nasional (BN) dengan parti pembangkang seperti DAP, PAS, PKR dan lain-lain.

Junaidi, Mohd Fuad & Nur Azuki (2021) dalam bab dalam buku yang bertajuk “Pasca PRU-14: Dinamika Politik Menuju PRU-15” untuk buku ‘Dinamika Politik Pilihan Raya di Malaysia dalam PRU-14’ menjelaskan bahawa politik adalah satu disiplin ilmu yang menarik, tetapi sukar untuk dikaji kerana tingkah laku politik pengundi adalah dinamik atau tidak statik, berseni, berstrategi, tiada yang mustahil bahkan boleh berubah dengan mengejut.

Bose (2021) dalam buku yang bertajuk “Final Reckoning: An Insider’s View of the Fall of Malaysia’s Barisan Nasional Government” menyatakan bahawa kejatuhan BN dalam PRU-14 disebabkan kontroversi pentadbiran Najib Razak dalam skandal 1MDB yang tidak dijelaskan dengan baik oleh Najib sendiri dan juga jentera pilihan raya BN.

Rahman (2021) dalam buku yang bertajuk “Politik Tuk Ketua Yang Muram & Yang Tenteram” menjelaskan bahawa pergolakan politik pasca PRU-14 adalah drama untuk merebut kuasa di Putrajaya sebagai ketua. Pelbagai peristiwa politik yang berlaku memperlihatkan ahli politik lebih mementingkan diri sendiri berbanding kehendak rakyat yang sedang bergelut dengan masalah ekonomi dan sosial pasca penularan pandemik COVID-19. Nafisah, Irfan & M. Hussin (2021) dalam buku yang bertajuk “#Undi18: Belia Malaysia Memilih” menjelaskan bahawa belia yang berumur 18 tahun perlu menunaikan tanggungjawab sebagai pengundi dalam PRU-15 bagi menentukan kepimpinan negara yang bermanfaat untuk rakyat.

Mohammad Tawfik, Ilyas & Rashid (2021) dalam bab dalam buku yang bertajuk “Pengaruh Masyarakat Sivil Terhadap Kerjasama Politik Melayu-Islam di Malaysia Pasca Pilihan Raya Umum Ke-14” menyatakan bahawa NGO Islam-Melayu seperti ISMA dan PERKASA menjadi ruang awam bagi masyarakat sivil untuk dijadikan platform bagi meluahkan perjuangan Melayu-Islam agar dimartabatkan pihak berkuasa di Malaysia. Muhammad Zaini Rizal & Novel (2021) dalam buku yang bertajuk “Peranan Media Sosial dalam Penyebaran Propaganda Politik di Malaysia” mengartikulasikan bahawa propaganda yang dimainkan oleh media sosial boleh mempengaruhi persepsi seterusnya pendirian politik pengundi ketika hari pengundian.

Ab. Rashid & G. Manimaran (2021) dalam buku yang bertajuk “Pilihan Raya Demokrasi Malaysia” menyatakan bahawa terdapat lebih 30 peringkat atau fasa tindakan proses pilihan raya di Malaysia yang menunjukkan bahawa proses pilihan raya di Malaysia adalah lengkap, sempurna, teruji dan boleh dipercayai semua pihak. Irwan Shah (2021) dalam buku yang bertajuk “Reflections on the Malaysian Economy Post-GE14: Issues and Challenges” menyatakan bahawa Kerajaan PH kurang menumpukan kepada masalah ekonomi negara sebaliknya mengutamakan isu salah laku kerajaan dan kepimpinan kerajaan terdahulu yang menyebabkan rakyat semakin resah dengan kepimpinan yang sedia ada. Junaidi et al. (2022) dalam buku “Atlas Pilihan Raya Umum 11, 2004” menyatakan bahawa kepimpinan Islamik Dato’ Seri Abdullah Ahmad Badawi menjadi faktor utama sokongan pengundi kepada BN dengan mandat yang besar lebih 2/3 kerusi Parlimen Malaysia.

Ummu Atiyah (2022) dalam buku yang bertajuk “Women in the House: Leadership in the Malaysian Parliament” menjelaskan bahawa perwakilan wanita dalam politik dan pilihan raya di Malaysia semakin meningkat dari semasa ke semasa namun memerlukan lebih ramai lagi sehingga mencapai 30 peratus setaraf dengan perwakilan wanita di negara maju. M. Kamal (2022) dalam buku yang bertajuk “Korupsi dan Kemunafikan dalam Politik Melayu: Perlunya Disegerakan Transformasi Moral-Etika” menjelaskan bahawa Orang Melayu perlu berubah daripada budaya balasan kepada budaya keikhlasan yang bermoral dalam perjuangan politik mereka kerana sejarah kerajaan sedunia telah menunjukkan bahawa kejatuhan kerajaan tersebut disebabkan korupsi, lalai dan adu domba yang tidak berkesudahan.

Malike & Abdul Salim (2022) dalam buku yang bertajuk “Politik Melayu: Penentu Kelangsungan Kuasa Barisan Nasional” menjelaskan bahawa antara faktor kekalahan BN

dalam PRU-14 adalah kerana kepimpinan BN mengeneipkan pandangan golongan muda Melayu yang inginkan imej kepimpinan yang bersih tanpa sebarang skandal terutamanya yang berkaitan dengan kewangan negara. SUARAM (2022) dalam buku “Malaysia Human Right Report 2019: Civil and Political Right” menjelaskan bahawa usaha kerajaan Persekutuan untuk mewujudkan Undang-Undang Anti Lompat Parti adalah satu tindakan yang baik untuk memulihkan kepercayaan pengundi yang mengundi kerana parti untuk PRU akan datang.

Norazlan Hadi (2022) dalam bab dalam buku yang bertajuk “Gerakan Islam dan Demokrasi di Malaysia 1982-2018: Persaingan dan Kerjasama” menjelaskan bahawa parti politik dan NGO Islam telah lama bertapak di Malaysia dengan pendekatan masing-masing serta mengalami konflik kepimpinan, teruji dan menghasilkan dinamika pemikiran Islam konservatif dan progresif yang tersendiri. Nur Ellyanis, Mohd Fuad & Junaidi (2022) dalam Bab dalam buku yang bertajuk “Jati Diri dan Pola Pengundian Belia Melayu dalam PRU 14” menyatakan bahawa PRU-14 telah membuktikan bahawa suara generasi belia amat penting dalam pembangunan politik di Malaysia. Hal ini menunjukkan bahawa golongan belia sudah semakin berani dalam mengorak langkah untuk berubah jika terdapat pemimpin yang tidak mengerti akan keinginan mereka.

Mohd Izani (2022) dalam buku yang bertajuk “Konflik dan Konsensus dalam Kerjasama Politik” menyatakan bahawa kerjasama politik di Malaysia penting bagi membentuk Kerajaan Persekutuan selepas pilihan raya kerana setiap parti politik mempunyai kawasan kubu kuat mengikut wilayah dan etnik yang tersendiri. Helen Ting (2022) dalam buku yang bertajuk “Electoral System Change for a More Democratic Malaysia? Challanges and Options” menjelaskan bahawa isu lompat parti, persempadanan bahagian pilihan raya, keperwakilan wanita dalam politik dan politik perkauman menjadi cabaran utama bagi melaksanakan sistem pilihan raya yang bebas dan adil kepada semua pihak di Malaysia.

Mohd Azizuddin et al. (2022) dalam buku yang bertajuk “Prospect of Electoral Reforms in Malaysia” menjelaskan bahawa penambahbaikan sistem pilihan raya pasca PRU-14 di Malaysia merupakan satu usaha baik bagi meluaskan dan meyakinkan lagi pengundi di negara ini untuk terus sama-sama menjayakan pilihan raya dengan meningkatkan kadar peratus turun mengundi pada PRU akan datang. Muhammad Fathi (2022) dalam buku yang bertajuk “The Independence and Integrity of Election Commisuson In Malaysia” menenjelaskan bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia telah bertanggungjawab menjalankan pilihan raya di Malaysia dengan baik dan telus serta bersistematik terutamanya dalam menentukan proses perjalanan pilihan raya yang memerlukan perbincangan dengan pelbagai pihak yang berkaitan bagi memastikan pilihan raya yang bakal dilaksanakan seadil dan sesuai yang mungkin.

Chan (2022) dalam buku yang bertajuk “Making Democracy Work: Institutional Reforms for Malaysia” menyatakan bahawa terdapat 4 perkara dalam demokrasi politik pilihan raya yang perlu ditambah baik iaitu penambahbaikan sistem pilihan raya, penambahbaikan Parlimen, pelantikan pegawai awam dan pendanaan politik. Mohd Izani (2022) dalam bab dalam buku yang bertajuk “Dinamika Demokrasi dan Penjajaran Baharu Politik dalam Era Pandemik COVID-19 di Malaysia” menjelaskan bahawa krisis pandemik COVID-19 boleh membuka pemikiran rakyat untuk memilih pemimpin yang mampu berhadapan cabaran dan menyelesaikan cabaran tersebut dengan efisien dan bijaksana.

Nor Miswary (2022) dalam buku yang bertajuk “Membina Semula Harapan Malaysia” menjelaskan bahawa pengalaman beliau yang berjuang dalam politik DAP sangat mencabar kerana sebagai seorang Melayu, perjuangan DAP agak sukar diterima orang Melayu, namun beliau cuba membawa naratif bahawa DAP berjuang untuk semua bangsa di Malaysia. Rahman (2022) dalam buku yang bertajuk “Politik Sarkis: Malaysia Pasca 9 Mei 2018” menyatakan sepanjang pemerintahan 3 Kerajaan Persekutuan pasca PRU-14, senario politik di negara ini agak melucukan dan mengecewakan pihak yang berkenaan kerana semua ahli politik dilihat asyik berpolitik demi kuasa masing-masing. Hishamuddin (2022) dalam buku yang bertajuk “Merakam Sejarah: “Turun Jalan Raya Menang Pilihan Raya” menyatakan bahawa ahli politik semua parti sama ada kerajaan mahupun pembangkang telah gagal mentadbir negara ini dengan baik sekali gus gagal mewujudkan kestabilan politik dalam kalangan rakyat.

Anwar (2022) dalam buku yang bertajuk “Membangun Negara Madani: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi” menghuraikan bahawa dasar kerajaan Malaysia yang digubal perlu lebih manusiawi dan mempunyai saling hubung antara komponen dalam pembangunan. Sejarah dan latar belakang sosioekonomi Malaysia yang panjang dan pelbagai perlu diambil kira dalam pembentukan dasar awam negara. Murray (2022) dalam bab dalam buku yang bertajuk “No One Party Rule After GE-15” menyatakan bahawa selepas PRU-15, tidak akan ada parti politik secara bersendirian dapat membentuk Kerajaan Persekutuan. Ini kerana setiap parti politik kuat di kawasan tertentu sahaja seperti BN/UMNO di kawasan luar bandar, PH di kawasan bandar dan PAS di kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia sahaja. Murray (2022) dalam bab dalam buku yang bertajuk “GE15: The Coming Battle for the Malay Heartland” menyatakan bahawa undi Melayu akan menjadi penentu kepada kemenangan sejumlah kerusi Parlimen dan DUN dan akan mempengaruhi pembentukan kerajaan.

Sivamurugan (2022) dalam artikel yang bertajuk “PRU-15: Tinjauan Calon PM” menghujahkan bahawa kombinasi kematangan, kewibawaan, pengalaman dan interaksi komunikasi politik adalah ciri karekter penting sebagai Perdana Menteri pada PRU-15 khususnya oleh pengundi atas pagar. Agenda Massa (2022) dalam artikel yang bertajuk “Dari PRU-14 ke PRU-15” menjelaskan bahawa pelbagai peristiwa politik yang berlaku antara PRU-14 ke PRU-15 yang menjadi perhatian pengundi untuk dijadikan isu atau faktor sokongan mereka pada PRU-15.

Junaidi (2022a) dalam artikel atas talian yang bertajuk “Mahu Pengundi Pilih Calon” menyatakan bahawa orang ramai di kawasan luar bandar, khususnya pengundi atas pagar sudah pasti tertarik disebabkan mereka lebih melihat kepada pengalaman dan sumbangan dilaksanakan calon, selain lebih memilih pemimpin calon tempatan. Junaidi (2022b) dalam artikel atas talian yang bertajuk “INTERACTIVE: In GE15s battle for rural seats, here is what you need to know” menyatakan bahawa terdapat dua isu besar bagi ramai pengundi luar bandar Melayu di Semenanjung Malaysia iaitu politik pembangunan dan politik identiti (etnik dan agama). Pengundi bandar, sebaliknya, lebih terpengaruh dengan politik nilai yang didorong oleh isu seperti rasuah, integriti dan akauntabiliti.

Junaidi (2022c) dalam artikel jurnal yang bertajuk “Parti Keadilan Rakyat (PKR) Dalam Pilihan Raya Umum dan Pemilihan PKR 2022: Impak dan Masa Hadapan Dalam Geopolitik Malaysia” menyatakan bahawa prestasi PKR dalam PRU 1999-2018 bersifat turun naik berdasarkan kepada isu semasa dan keyakinan pengundi terhadap kepimpinan PKR. Keputusan pemilihan dalaman PKR 2022 pula menunjukkan bahawa ahli PKR memilih

pemimpin yang berpengalaman, kompeten dan teguh dalam pentadbiran sebagai kerajaan serta pemimpin yang beridealisme, berpandangan jauh, bervisi dan bebas dalam bertindak ketika berpolitik.

Junaidi (2022d) dalam artikel jurnal yang bertajuk “Geopolitik Wanita Dalam Politik Pilihan Raya Malaysia” menyatakan bahawa wanita sememangnya berperanan atau berpengaruh dalam menentukan geopolitik di Malaysia meskipun tidak dapat menguasai secara majoriti atau sepenuhnya dari segi penentuan calon dan pembuatan keputusan di negara ini. Wanita berperanan sebagai pengundi, perayu undi, jentera kempen, objek untuk meraih undi (kecantikan wajah dan kelembutan bersuara), ahli parti politik, penceramah parti politik, ahli strategi parti politik, penasihat kepada suami sebagai pemimpin, kepimpinan dalam parti politik, calon dalam pilihan raya, wakil rakyat dan sebagai pemimpin utama dalam kerajaan.

Mohammad Qayyum (2022) dalam buku yang bertajuk “Anwar Ibrahim PM10” menyatakan bahawa karisma dan pengaruh Anwar akan menjadi taruhan beliau sebagai PM10 untuk mengemudi Malaysia ke landasan yang baik untuk memulihkan ekonomi dan politik negara ini. Muhammad Yusri (2022) dalam artikel akhbar yang bertajuk “PRU15: Pola undi popular berubah secara signifikan” menyatakan bahawa trend pengundian pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) menyaksikan perubahan pola undi popular yang menyaksikan graf populariti setiap gabungan parti politik turun naik secara signifikan. Keadaan tersebut dikatakan disumbang kelompok majoriti senyap yang lebih tertumpu untuk membuat perbandingan tanpa pembabitan secara langsung dan jelas, termasuk di platform media sosial.

Mohd Azhar & Kassim (2022) dalam artikel akhbar yang bertajuk “Naratif 'kaum dan agama' mampu gugat agenda perpaduan nasional” menyatakan bahawa naratif 'kaum dan agama' masih relevan serta menjadi senjata utama untuk meraih sokongan khususnya dalam kalangan pengundi atas pagar dan pengundi muda. Dengan pertambahan jumlah undi baharu dan Undi18 hingga hampir 7 juta, naratif itu kerap tersiar di media sosial hingga menjadi alat indoktrinasi berkesan. Kebanyakan kajian menunjukkan media sosial menjadi medium utama golongan itu memperoleh sumber maklumat politik. Nik Nazmi (2023) dalam buku yang bertajuk “Anak Malaysia: Sebuah Perjalanan Politik Progresif” menyatakan bahawa beliau telah mengharungi pelbagai onak dan ranjau dalam berpolitik sebagai pemimpin PKR dengan terpilih sebagai ADUN dan ahli Parlimen dan berjaya memenangi jawatan Naib Presiden PKR Pusat. Semua pengalaman tersebut memberi pengalaman yang berharga kepada beliau yang berkhidmat demi rakyat Malaysia.

Shah Mohd Akmal (2023) dalam artikel yang bertajuk “54 Tahun Meniti Perjuangan yang Panjang” menyatakan bahawa Dato’ Seri Anwar Ibrahim merupakan seorang ahli politik Malaysia yang panjang perjalanannya iaitu sejak tahun 1968 sebagai pemimpin gerakan pelajar, menyertai ABIM, menyertai UMNO, sehinggalah menyertai PKN/PKR dan berjaya menjadi Perdana Menteri dalam PRU-15, 2022. Beliau dilihat seorang ahli politik yang teruji, kuat, tahan lasak, kental, tabah, sabar, tidak putus asa dalam usaha mencapai cita-cita politiknya.

Noordin (2023) dalam artikel yang bertajuk “PAS Lencongkan Undi Anak Muda” menjelaskan bahawa pada PRU-15, 2022, PAS berjaya mendapat sokongan luar biasa daripada pengundi muda disebabkan mereka inginkan pemimpin dan parti politik yang bersih dari rasuah dan penyelewengan, keberkesanan tagline BEST (Bersih dan Stabil) dan Prihatin, naratif sentimen Melayu-Islam yang dimainkan parti tersebut, pengaruh Tik Tok melalui

kempen yang berkesan dan *influencer* yang pro-PAS, dan jentera kempen PAS/PN yang agresif termasuk mengesan pengundi luar terutamanya pengundi muda dan yang tinggal di universiti untuk pulang mengundi.

Osman (2023) dalam artikel yang bertajuk “Kerajaan Perpaduan: Cabaran Untuk PM ke-10” menyatakan bahawa Kerajaan Perpaduan yang terbentuk pasca PRU-15 pimpinan Dato’ Seri Anwar Ibrahim bakal menghadapi cabaran untuk menyatukan parti politik yang pelbagai ideologi dan aspirasi dalam kerajaan tersebut serta suara lantang 74 ahli Parlimen pembangkang iaitu PN yang bakal menjadi suara ‘sekat dan imbang’ dalam politik negara ini. Ronifira (2023) dalam buku yang bertajuk “Anwar PM10: Airmata dan Sumpah, Duri dan Ranjau Sebuah Perjalanan” menyorot hampir 32 tahun Dato’ Seri Anwar Ibrahim menempuh pelbagai rintangan, cabaran, dugaan dan air mata untuk berjuang menjadikan Malaysia sebuah negara yang terbilang sehinggalah beliau berjaya menjadi Perdana Menteri Malaysia pada 24 November 2022.

Mohd Sayuti (2023) dalam buku yang bertajuk “Noktah. Sebuah Penantian Anwar PM 10” menjelaskan bahawa Dato’ Seri Anwar Ibrahim tidak pernah lelah dan berputus asa dalam menanti kerusi keramat Perdana Menteri Malaysia. Beliau satu-satunya ahli politik Malaysia yang paling teruji, kental dan tabah dengan berjaya dalam politik sebagai Timbalan Perdana Menteri, dipecat, dipenjarakan, diaibkan, dihina, dicemuh dan akhirnya beliau mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-10 pada 24 November 2022.

Mohd Noor (2023) dalam makalah yang bertajuk “Perkembangan Politik Malaysia Pasca PRU-15” menjelaskan bahawa tiada yang mustahil dalam politik, bagaimana PH boleh bekerjasama dengan BN dan UMNO boleh bekerjasama dengan DAP dan Anwar. Namun, percaturan kuasa hasil nasihat Raja-Raja Melayu maka terbentuklah Kerajaan Perpaduan antara PH dan BN lantaran tiadanya parti politik tunggal yang berjaya mendapat 112 kerusi mudah Parlimen. Politik merupakan seni yang serba mungkin berasaskan usaha untuk mendapatkan kuasa, menekalkan kuasa dan menggunakan kuasa. Logik dan etika normal tidak dapat digunakan sepenuhnya dalam analisis politik Malaysia pasca PRU-15. Dalam politik tidak ada musuh dan kawan yang kekal. Asas percaturan utama berpaksikan kuasa yang bakal digenggam. Demi mendapatkan kuasa dan mengekalkan kuasa, percaturan antara parti politik, kerjasama dan sebarang pakatan boleh berlaku. Perkara yang berlaku dalam parti politik selepas PRU-15 merupakan sebahagian daripada fenomena biasa aktor politik yang hanya boleh difahami dengan mendalam oleh pelaku, pengamal dan penganalisis politik.

Metod Kajian

Bagi metod kajian, penulisan artikel ini menggunakan pendekatan penghuraian maklumat kualitatif daripada sumber sekunder iaitu artikel jurnal, buku akademik dan kertas persidangan berdasarkan tema PRU-15 di Malaysia yang kemudiannya dianalisis berdasarkan faktor dan pola pengundian. Data sekunder dirujuk untuk memantapkan lagi artikel ini dalam konteks ilmiah. Data sekunder merupakan maklumat berbentuk kualitatif melibatkan pengumpulan maklumat yang telah direkodkan dengan baik dalam bentuk rakaman bertulis. Dalam kajian ini, pengumpulan data sekunder diperoleh dengan melakukan penyelidikan kepustakaan. Segala kajian lepas dan data daripada sumber kedua iaitu buku akademik, artikel jurnal serta kertas kerja persidangan/simposium/seminar dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan gambaran yang berkaitan dengan penyelidikan sesuatu kajian. Di samping itu, pengkaji juga mendapatkan maklumat dari media-media elektronik seperti melayari laman sesawang/internet bagi mendapatkan maklumat tambahan secara atas talian

seperti laporan penyelidikan, kertas kerja dan artikel jurnal. Analisis data pula melibatkan adunan antara maklumat kualitatif berdasarkan pemerhatian di lapangan, data kuantitatif iaitu data keputusan pilihan raya umum serta analisis maklumat sekunder dilakukan bagi bahan-bahan bercetak dan atas talian (internet).

Hasil Kajian dan Perbincangan

Parti Politik Utama yang Bertanding dalam PRU-15

PRU-15, 2022 diadakan pada 19 November 2022/Sabtu. Barisan Nasional (BN) menggunakan slogan 'Kestabilan dan Kemakmuran', Pakatan Harapan (PH) dengan slogan 'Kita Boleh', Perikatan Nasional (PN) menggunakan tagline 'Prihatin, Bersih dan Stabil' (BEST) dan Gerakan Tanah Air/GTA dengan slogan 'Malaysia Unggul dan Bermaruah'.

Demografi Pengundi dan Calon dalam PRU-15

Terdapat 21,173,638 orang pengundi dengan 20,905,366 pengundi biasa, 118,794 pengundi awal (polis dan pasangan), 146,737 pengundi awal (tentera dan pasangan) dan 118,794 pengundi tidak hadir luar negara. Dari segi jantina, terdapat 10,622,151 orang pengundi perempuan dan 10,511,487 orang pengundi lelaki. Dari segi umur pula, terdapat 1,393,549 pemilih berusia 18 hingga 20 tahun di seluruh negara yang akan mengundi kali pertama pada PRU-15 kali ini. Bagi lingkungan umur 21 hingga 29 tahun, seramai 4,614,429 pengundi layak, 30-39 tahun (4,681,348 orang), 40-49 tahun (3,645,248 orang), 50-59 tahun (3,027,498 orang), 60-69 tahun (2,277,070 orang), 70-79 tahun (1,093,951 orang), 80-89 tahun (353,631 orang), dan 86,914 pengundi berusia 90 tahun ke atas. Oleh itu bagi usia 30 hingga 59 tahun membabitkan 11,354,094 pengundi diikuti pemilih warga emas 3,724,652. Bagi pecahan negeri pula, Selangor merekodkan bilangan pemilih tertinggi iaitu 3,677,848 orang diikuti Johor, 2,616,575 orang. Pemilih di Perak adalah 2,036,872, Sarawak (1,943,074), Sabah (1,689,387), Kedah (1,575,805), Kelantan (1,404,753) Pulau Pinang (1,226,626), Kuala Lumpur (1,151,407), Pahang (1,136,944), Terengganu (992,856), Negeri Sembilan (850,865), Melaka (657,324), Perlis (195,927), Labuan (44,484) dan Putrajaya (42,881).


Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) mencatat sejarah apabila merekodkan seramai 945 calon disahkan layak bertanding untuk merebut 222 kerusi Parlimen di seluruh negara, yang teramai dalam sejarah PRU negara. Berdasarkan data yang dipaparkan di Pusat Media ibu pejabat Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Putrajaya juga seramai 441 calon akan bersaing untuk merebut 117 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) di Perak, Pahang, Perlis dan kerusi N66 Bugaya, Sabah. Menurut jumlah calon kerusi Parlimen, Pakatan Harapan (PH) mempertaruhkan calon paling ramai iaitu 206 orang, diikuti Barisan Nasional (BN) (178), Perikatan Nasional (PN) (149) dan Pejuang (116). Parti Warisan Sabah (Warisan) meletakkan 52 calon, Gabungan Parti Sarawak (31), Pas (22), Parti Rakyat Malaysia (16), Gabungan Rakyat Sabah (13), Parti Sarawak Bersatu (10), Putra (sembilan), DAP (lapan), Parti Kesejahteraan Demokratik Masyarakat (tujuh), Muda (enam), Parti Bangsa Malaysia (lima) dan Parti Bansa Dayak Sarawak (tiga). Selain itu, Parti Bersatu Rakyat Sabah, Parti Sedar Rakyat Sarawak, Parti Sosialis Malaysia, Parti Perpaduan Rakyat Sabah, Parti Bumi Kenyalang dan Parti Utama Rakyat pula masing-masing mempunyai seorang calon kerusi Parlimen. Pada PRU-15 ini juga jumlah calon Bebas yang bertanding ialah seramai 108 orang, sekali gus menjadikannya jumlah calon Bebas teramai dalam sejarah PRU negara. Pada PRU-13 dan PRU-14 masing-masing merekodkan 79 dan 24 calon kerusi Parlimen. Selangor yang mempunyai 22 kawasan Parlimen merekodkan jumlah calon Parlimen paling ramai iaitu 124 orang, diikuti oleh Sabah (119), Perak (100), Johor (96), Sarawak (92), Kedah

(68), Kelantan (63), Pulau Pinang (58), Pahang (55), Kuala Lumpur (52), Negeri Sembilan (35), Terengganu (33), Melaka (25) dan Perlis (13), manakala Putrajaya dan Labuan masing-masing mempunyai enam calon. Bagi kerusi DUN, Perak mendahului senarai calon tertinggi dengan 220 orang diikuti Pahang (150), Perlis (64) dan tujuh calon bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Bugaya, Sabah. Barisan Nasional (BN) mempertandingkan 117 calon bagi kerusi DUN, PN dan PH masing-masing mempertandingkan 116 calon, Pejuang (45), Warisan (18) dan Bebas (24). Pada PRU-14, SPR menerima sebanyak 2,333 kertas pencalonan dalam tempoh sejam penamaan calon dengan 687 daripadanya adalah kertas pencalonan bagi 222 kerusi Parlimen dan 1,646 bagi 505 kerusi DUN.

Keputusan PRU-15

Keputusan PRU-15 2022 sudah diketahui. 73% telah keluar mengundi daripada 21 juta (21,173,638) pemilih berdaftar. Keputusan PRU 2022 menunjukkan bahawa tiada gabungan parti politik yang berjaya mendapat majoriti mudah 112/222 kerusi Parlimen atau boleh juga disebut sebagai 'Parlimen Tergantung/Hung Parliament'. PH berjaya mendapat 82 kerusi atau 36.9% (DAP 40, PKR 31, AMANAH 8, UPKO 2 dan MUDA 1), PN mendapat 74 kerusi atau 32.9% (PAS 49 kerusi dan BERSATU 25 kerusi), BN 30 kerusi atau 13.5% (26 UMNO, 2 MCA, 1 MIC dan 1 PBRS), GPS 23 kerusi atau 9.9% (PBB 14, PRS 5, PDP 2 DAN SUPP 2), GRS 6 kerusi atau 2.7% (BERSATU Sabah 4, PBS 1 dan SOLIDARITI 1), WARISAN 3 kerusi atau 1.4%, PBM 1 kerusi, KDM 1 kerusi dan Bebas 2 kerusi (Lihat Rajah 1). 1 kerusi Parlimen iaitu di Padang Serai, Kedah asalnya ditangguhkan pilihan raya kerana calon PKR meninggal dunia dan 1 kerusi DUN Pahang iaitu di Tioman, Pahang juga asalnya ditangguhkan pilihan raya kerana calon PN juga meninggal dunia. Pakatan Harapan (PH) yang merupakan blok kuasa terbesar dengan mendapat 82 kerusi telah memperoleh undi popular terbanyak iaitu 5,810,429 undi. Hal itu diikuti Perikatan Nasional yang mendapat 4,667,429 undi dan Barisan Nasional mendapat 3,433,298 undi. GPS mendapat 644,202, lain-lain mendapat 458,677 undi, GTA pula mendapat 111,510 undi manakala calon Bebas mendapat 109,626 undi.

Keputusan PRU-15 juga menyaksikan DUN Tergantung di Perak (PN 26 kerusi, PH 24 kerusi dan BN 9 kerusi; 30 kerusi untuk menang majoriti mudah bagi membentuk kerajaan negeri) dan Pahang (PN 17 kerusi, BN 16 kerusi dan PH 8 kerusi; 22 kerusi untuk memperoleh majoriti mudah bagi membentuk kerajaan negeri), namun PN menguasai Perlis dengan kesemua 3 kerusi Parlimen dan 14 daripada 15 DUN. Akhirnya gabungan antara BN dan PH berjaya membentuk Kerajaan Negeri Perak dan Pahang. Bagi jumlah ahli Parlimen mengikut etnik, terdapat 145 orang daripada etnik Melayu (PH 35, PN 72, BN 26, GPS 8, GRS 1 dan lain-lain 3), 44 orang Cina (PH 35, PN 0, BN 21, GPS 4, GRS 2 dan lain-lain 1), 10 orang India (PH 9, PN 0 dan BN 1) dan 21 orang Bumiputera Sarawak dan Sabah (PH 3, PN 1, BN 1, GPS 10, GRS 3 dan lain-lain 3).



Rajah 1: Peta Taburan Geografi Kewilayahan Semenanjung Malaysia dan Sabah-Sarawak (Kepulauan Borneo) iaitu Kawasan Parlimen yang Dimenangi Parti Politik yang Bertanding dalam PRU-15, 2022

Sumber: Diubahsuai daripada SPR 2022

Seramai 32 calon wanita daripada 127 orang yang bertanding di kerusi Parlimen berjaya mendapat mandat rakyat pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15). Bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) seramai 15 daripada 60 lagi calon yang bertanding di Perlis, Perak, Pahang dan Bugaya di Sabah berjaya memenangi kerusi masing-masing. Daripada keseluruhan 127 calon Parlimen, 16 adalah calon Pakatan Harapan (PH), lima daripada Gerakan Parti Sarawak (GPS), tujuh daripadanya Perikatan Nasional (PN), tiga Barisan Nasional (BN) dan satu daripada Warisan, manakala bagi DUN, tujuh (PH), lima (PN) dan tiga (BN). Antara calon PH yang memenangi kerusi yang ditandingi ialah bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail di Parlimen Bandar Tun Razak dengan majoriti 9,817 selain Teo Nie Ching, Teresa Kok Sim dan Hannah Yeoh masing-masing mempertahankan kerusi Parlimen Kulai, Seputeh dan Segambut. Sementara itu, bekas Menteri Pelancongan Seni dan Budaya Datuk Nancy Shukri yang bertanding di kerusi Parlimen di Santubong memperoleh undi majoriti sebanyak 19,485 selain Datuk Rubiah Wang mempertahankan kerusi Parlimen Kota Samarahan dan kedua-dua mereka antara calon wanita bagi GPS. Calon muka baharu, Rodiyah Sapiee turut memberi kemenangan buat GPS di Parlimen Batang Sadong selepas menewaskan wakil PH, Cikgu Lahaji dengan majoriti 14,893 undi.

Dalam pada itu, antara calon wanita BN yang memenangi kerusi adalah Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad di Parlimen Parit Sulong, dengan majoriti 11,474 undi, selepas memperoleh 25,740 undi. Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Seri Azalina Othman

Said juga terus mempertahankan kerusi Parlimen Pengerang apabila berjaya meraih sebanyak 21,738 undi selain Datuk Siti Aminah Aching memenangi kerusi di Parlimen Beaufort. Bagi calon wanita PN, Datuk Mas Ermieyati Samsudin berjaya mempertahankan kerusi Parlimen Masjid Tanah yang dimenangi dalam PRU-14 atas tiket BN selepas memperoleh 25,604 undi dengan majoriti 4,411 menewaskan calon BN, Abdul Hakim Abdul Wahid. Ketua Wirawati Warisan Isnaraissah Munirah Majilis yang menjadi calon tunggal wanita yang memenangi kerusi Warisan sekali gus mempertahankan kerusi Parlimen Kota Belud dengan majoriti 4,582 undi. Selain itu, kubu kuat PH, Parlimen Permatang Pauh yang sinonim dengan legasi keluarga Datuk Seri Anwar Ibrahim tumbang di tangan parti lawan apabila Nurul Izzah tewas kepada calon PN, Muhammad Fawwaz Mat Jan dengan majoriti 5,272. Penyandang Parlimen Ampang Datuk Zuraida Kamaruddin juga gagal mempertahankan kerusinya selepas tewas dalam pertembungan sembilan penjurong di kawasan itu apabila hanya meraih 4,589 undi. PRU-15 menyaksikan penurunan jumlah calon wanita iaitu 187 orang bertanding 251 orang sewaktu PRU-14 pada 2018.

Secara keseluruhannya, bagi kerusi Parlimen, jika dibandingkan pencapaian antara PRU 2018 dengan PRU 2022, hanya PAS, BERSATU dan GPS mencatat pertambahan jumlah kerusi yang dimenangi iaitu PAS (PRU 2018 dengan 18 kerusi; PRU 2022 dengan 49 kerusi); BERSATU (PRU 2018 dengan 13 kerusi; PRU 2022 dengan 24 kerusi) dan GPS (PRU 2018 dengan 18 kerusi; PRU 2022 dengan 23 kerusi). Parti lain mencatatkan prestasi yang menurun iaitu UMNO (PRU 2018 dengan 54 kerusi; PRU 2022 dengan 28 kerusi); DAP (PRU 2018 dengan 42 kerusi; PRU 2022 dengan 40 kerusi); PKR (PRU 2018 dengan 47 kerusi; PRU 2022 dengan 31 kerusi) dan AMANAH (PRU 2018 dengan 11 kerusi; PRU 2022 dengan 8 kerusi).

Dari segi calon hilang wang deposit, 373 calon daripada 945 calon bagi kerusi Parlimen dan 129 calon 441 calon DUN Perlis, Perak dan Pahang hilang wang deposit. Untuk kerusi Parlimen, calon GTA/PEJUANG paling ramai hilang wang deposit iaitu 116, diikuti calon Bebas 100 orang, PH 46 orang, WARISAN 29 orang, BN 24 orang, PRM 16 orang, PN 13 orang, PUTRA 9 orang dan lain-lain 24 orang.

Keputusan PRU-15 ini sangat mengejutkan, memeranjatkan serta luar biasa dan berbeza daripada jangkaan penganalisis politik. PN berjaya menawan kerusi Parlimen (seperti Padang Besar, Langkawi, Kepala Batas, Tasik Gelugor, Larut, Padang Rengas, Gerik, Kuala Kangsar, Pasir Salak, Jerantut, Maran, Kuala Krau, Rompin, Sabak Bernam, Jasin dan Mersing) dan DUN majoriti Melayu luar bandar yang merupakan kubu kuat BN/UMNO sejak PRU sebelum merdeka hinggalah PRU-14 2018. PN juga berjaya menawan kerusi Parlimen yang merupakan kubu kuat PKR di Permatang Pauh serta beberapa kerusi DUN. Selanjutnya buat pertama kali dalam sejarah politim pilihan raya di Negeri Perlis, PN berjaya menawan negeri tersebut daripada BN dengan memperoleh 14 kerusi daripada 15 kerusi DUN Perlis, 1 kerusi dimenangi PKR di Indera Mahkota. Ini boleh digelar sebagai 'Tsunami politik luar bandar majoriti Melayu' dan juga disebabkan 'Tsunami pengundi muda' serta 'Tsunami pengundi baharu 5.8 juta'.

Pola Pengundian PRU-15

Dari segi pola pengundian berdasarkan lokasi geografi, PH terus menguasai kawasan bandar dan separa bandar campuran etnik dan majoriti Cina, PN menguasai kawasan luar bandar majoriti Melayu di zon Semenanjung Pantai Timur, Utara, Perak Utara dan Perak Tengah manakala BN kekal berkuasa di kawasan luar bandar namun dengan jumlah kerusi yang

menyusut. Jika dibuat perbandingan antara PRU 2018 dengan PRU 2022, untuk pengundi Melayu di zon Semenanjung Pantai Timur, Utara, Perak Utara dan Perak Tengah, didapati PN berjaya meningkatkan undi sebanyak 100 peratus manakala BN berkurang sekitar 20 peratus dan PH pula berkurang sebanyak 50 peratus. Maksudnya, PN berjaya mendapat 20 peratus undi BN dan 50 peratus undi PH.

Dari segi pola pengundian mengikut etnik, PN mendapat sokongan majoriti etnik Melayu di zon Semenanjung Pantai Timur, Utara, Perak Utara dan Perak Tengah, BN mendapat sokongan majoriti etnik Melayu di kawasan pedalaman sebahagian zon Pantai Timur di Pahang Tengah dan selatan serta zon Semenanjung Pantai Barat Negeri Sembilan, Johor. Hampir semua kerusi Parlimen majoriti Melayu 70 peratus dan keatas dimenangi PN. PH pula terus menguasai kawasan bandar dan separa bandar di Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Sabah dan Sarawak. Berdasarkan analisis pasca PRU-15 oleh seorang penganalisis politik Malaysia iaitu Bridget Welsh dalam Malaysiakini, beliau menyatakan bahawa bagi etnik Melayu, PN berjaya mendapat anggaran sokongan sekitar 54 peratus, BN 33 peratus dan PH 11 peratus. Bagi etnik Cina, PN kurang 1 peratus, BN 5 peratus dan PH 94 peratus. Bagi etnik India, PN kurang 1 peratus, BN 16 peratus dan PH 83 peratus. Bagi etnik lain, PN 5 peratus, BN 27 peratus dan PH 66 peratus.

Dari segi kelas umur, untuk pengundi muda, PN berjaya mendapat sokongan daripada anggaran 60 peratus, PH 30 peratus dan BN 10 peratus. Golongan muda (18-30 tahun) majoritinya mengundi PN kerana terpengaruh dengan paparan maklumat/isu perkauman, keagamaan dan integriti (perlunya pemimpin yang bersih, tiada skandal, tiada kes mahkamah dan dilihat baik/beragama) daripada media sosial terutamanya daripada Tik Tok.

Dari segi jenis pengundi, bagi pengundi atas pagar, hampir 70 peratus menyokong PN, 25 peratus PH dan hanya 5 peratus BN. Undi protes daripada pengundi atas pagar terhadap BN adalah kerana PRU diadakan ketika musim tengkujuh, pemulihan kehidupan pasca wabak COVID-19, ekonomi tidak stabil, senario politik kucar-kacir, kepimpinan UMNO yang dilihat terlalu obses berpolitiuk demi kuasa dominan untuk kepimpinan mereka sahaja dan mempunyai masalah integriti terutamanya bagi yang sedang dalam proses pertuduhan kes korupsi di mahkamah dan pengundi atas pagar inginkan PRU-15 diadakan ketika tamat tempoh 5 tahun pemerintahan iaitu sehingga Julai 2023. Undi protes terhadap PH pula disebabkan isu perkauman (DAP anti Melayu) dan agama (DAP anti Islam) serta isu moral pemimpin utama PH seperti DSAI bekas banduan, suka menggunakan perkataan kesat dan sebagainya. Bagi pengundi ahli atau penyokong parti pula, 100 peratus menyokong PN, 70 peratus BN dan 80 peratus PH. BN dan PH tidak mendapat 100 peratus undi daripada penyokong tegar mereka sendiri berbanding PN kerana wujudnya undi protes, sabotaj, belot, tikam belakang, tidak puas hati dan cah/peteh keting daripada ahli/pengundi disebabkan faktor calon, faktor perubahan prinsip, faktor integriti, faktor kepimpinan dan faktor isu.

Dari segi etnik calon yang menang, etnik Melayu adalah PN 72 orang, PH 35 orang dan BN 26 orang. Etnik Cina pula PH 35 orang manakala BN 2 orang. Bagi etnik India pula, PH 9 orang dan BN 1 orang. Secara keseluruhannya, terdapat 145 orang Melayu, 44 orang Cina dan 10 orang India calon Parlimen yang berjaya memenangi PRU-15.

Faktor Sokongan Pengundi Terhadap Parti Politik Utama pada PRU-15

PN mendapat sokongan luar biasa daripada pengundi Melayu luar bandar wilayah Pantai Timur dan Utara serta sebahagian kecil di Barat dan Selatan Semenanjung Malaysia di

kawasan luar bandar majoriti Melayu iaitu di zon Semenanjung Pantai Timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang Timur serta Pahang Tengah; Utara Semenanjung iaitu Perlis dan Kedah serta Pulau Pinang Seberang Prai Utara dan Tengah, Perak Utara, Perak Tengah; sebahagian Barat Semenanjung iaitu Utara Selangor dan Barat Selangor serta Barat Melaka dan Selatan Melaka; dan sebahagian Selatan Semenanjung iaitu Johor Utara dan Johor Timur.

Antara faktor sokongan pengundi terhadap PN adalah seperti berikut:

1. Pengundi inginkan kepimpinan yang bersih dan tiada kes rasuah.
2. Kejayaan PN memainkan sentimen/perasaan perkauman dan agama.
3. Undi protes kerana PRU diadakan ketika musim tengkujuh, pemulihan kehidupan pasca wabak COVID-19, ekonomi tidak stabil dan senario politik kucar-kacir.
4. Tagline PN iaitu 'BEST' iaitu Bersih dan Stabil disukai golongan muda dan pengundi Melayu.
5. Slogan PN iaitu 'Prihatin' atau ambil berat mudah difahami dan diterima rakyat.
6. Pengalaman memimpin negara ketika krisis wabak COVID-19 pada tahun 2020-2021.
7. Kepimpinan yang mesra rakyat bekas Perdana Menteri iaitu Tan Sri Muhyiddin Mohd Yasin dengan panggilan 'Abah' kepada rakyat jelata.
8. Kepimpinan yang baik dan beragama (berakhlak, berwibawa, berpandangan jauh dan boleh dipercayai untuk memimpin).
9. Manifesto PN yang boleh laksana dan merakyat mengikut kelas ekonomi/sosial yang pelbagai.
10. Jentera kempen PN yang mantap, agresif, berpengetahuan, berpengalaman dan bersungguh-sungguh.
11. Sokongan padu ahli/penyokong PAS yang walak/patuh kepada arahan pimpinan parti disebabkan 10 kekuatan PAS iaitu Islam menjadi dasar perjuangan; tarbiyah sebagai pemangkin gerak kerja; ulama yang membimbing; gabungan ulama, profesional dan aktivis; keahlian terbuka kepada semua umat Islam; kewujudan Dewan Himpunan Pendukung PAS; tegas pada prinsip, anjal pada pendekatan; ahli yang taat dan wala kepada perjuangan; sabar dengan ujian ketika menang atau kecundang; dan pendekatan yang sederhana.
12. Team media sosial (terutamanya melalui platform Tik Tok, Facebook, Twitter, youtube dll) PN yang agresif, kemas, tersusun dan berkesan dalam memainkan sentimen perkauman dan agama.
13. Pengurusan logistik (pengangkutan) pengundi luar yang sistematik dan up to date/terkini di setiap negeri dan IPT/universiti.
14. Dana/peruntukan kewangan yang melimpah ruah untuk kempen PN kerana PN pernah berada dalam Kerajaan Persekutuan.
15. Kesatuan Melayu-Islam yang menyeluruh di seluruh negara.
16. Memahami aspirasi pengundi muda yang inginkan kepimpinan yang berintegriti, cakna/ambil berat dan berakhlak baik.
17. PN sebagai ganti/platform alternatif/pilihan lain untuk mempertahankan kedaulatan Melayu-Islam berbanding UMNO yang bermasalah dari segi kepimpinan dan arah perjuangan nasib Melayu-Islam dan PH yang dianggap liberal.
18. Peranan ahli parti yang turut berkempen kepada anak, adik beradik, sanak saudara dan rakan taulan.
19. Undi protes, sabotaj, belot, tikam belakang, tidak puas hati dan cah keting daripada ahli/pengundi parti lawan disebabkan faktor calon dan faktor kepimpinan parti lawan.

PH terus mendapat sokongan daripada majoriti pengundi Cina dan India serta Melayu kelas pertengahan di kawasan bandar disebabkan faktor berikut:

1. PH sebagai parti berbilang kaum dan agama.
2. PH sebagai sebuah gabungan parti politik yang memperjuangkan hak dan kesaksamaan rakyat.
3. Calon PM daripada PH iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim (DSAI) yang dianggap mempunyai visi untuk pembangunan negara yang jelas & meyakinkan.
4. Pengundi ingin beri peluang utk DSAI menjadi PM buat kali pertama.
5. Karisma, yakin, berpengetahuan, berkemahiran, intelektual, mesra, jelas dan tegas DSAI ketika berucap.
6. Retorik ucapan ketika ceramah yang bersemangat dan isu yang mudah difahami rakyat.
7. Pengalaman DSAI sebagai Timbalan Perdana Menteri (TPM) & Menteri Kewangan yg melonjak Ekonomi Malaysia antara tahun 1993-1995.
8. Slogan 'Kita Boleh' yang dapat mempengaruhi pengundi.
9. PH sebagai gabungan parti berbilang kaum yang sesuai dengan komposisi etnik di Malaysia.
10. PH menolak retorik politik identiti (politik perkauman dan politik ekstrim agama).
11. Fokus jelas PH & DSAI utk memperbaiki ekonomi rakyat dan ekonomi negara.
12. Pengaruh media sosial terutamanya melalui platform Twitter, facebook dan Youtube.
13. Politik nilai (adil, amanah, berintegriti, anti rasuah dan ketirisan, tata kelola yang baik) diterima pengundi.
14. Faktor simpati terhadap PH yang jatuh pada tahun 2020 akibat Langkah Sheraton.
15. Peranan Rafizi melalui INVOKE dlm kajian persepsi politik.

BN/UMNO terus mendapat sokongan daripada pengundi Melayu di kawasan luar bandar tengah Semenanjung Malaysia dan tengah Sabah disebabkan faktor berikut:

1. Pengalaman dalam memerintah negara sejak sekian lama.
2. Jasa yang dikenang dalam memajukan negara.
3. Ideologi kepartian yang menebal.
4. Pengaruh 3M (Money, Media & Machinery)
5. Slogan 'Kestabilan dan Kemakmuran' yang berkesan.
6. Formula calon WALI iaitu ciri "winnability" (boleh menang), "acceptibility" (kebolehterimaan) dan "likeability" (disenangi) yang diterima pengundi.
7. Pejuang hak Melayu-Islam.
8. Sederhana dalam urusan pemerintahan negara.
9. Jentera kempen akar umbi yang kuat dan berpengalaman.
10. Dana kempen yang mencukupi.
11. Kepatuhan ahli parti kepada arahan pimpinan parti.
12. Ahli parti yang sanggup berkorban demi parti.
13. Pengaruh media arus perdana seperti televisyen, radio dan akhbar.

Pasca PRU-15: Pembentukan Kerajaan Perpaduan Persekutuan

Pilihan Raya Umum (PRU) Malaysia ke-15 telah diadakan pada 19 November 2022. Hasilnya, tiada parti politik yang berjaya mendapat majoriti mudah 112 daripada 222 kerusi Parlimen untuk membentuk Kerajaan Persekutuan secara bersendirian. Pakatan Harapan (PH) berjaya mendapat kerusi tertinggi iaitu 82 kerusi, diikuti Perikatan Nasional (PN) 74 kerusi, Barisan Nasional (BN) 30 kerusi, Gabungan Parti Sarawak (GPS) 23 kerusi dan selebihnya adalah daripada parti politik lain dan calon Bebas.

Oleh itu, atas kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum

Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, baginda telah menitahkan agar dibentuk Kerajaan Perpaduan dalam kalangan semua ahli Parlimen atau parti politik yang memenangi kerusi Parlimen. Dato' Seri Anwar Ibrahim selaku Pengerusi PH menyahut titah tersebut dengan bersetuju atas titah tersebut namun Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin Md Yasin tidak bersetuju dengan saranan baginda. Justeru, terbentuklah Kerajaan Perpaduan daripada 148 ahli Parlimen kecuali 74 ahli Parlimen PN. Justeru, Dato' Seri Anwar Ibrahim telah dipilih oleh Baginda Yang Di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah sebagai Perdana Menteri ke-10 dengan persetujuan Majlis Raja-Raja Melayu. Kerajaan Perpaduan tersebut disokong oleh 148 ahli Parlimen iaitu majoriti 2/3 daripada 222 ahli Parlimen Malaysia yang terdiri daripada PH, BN, GPS, GRS, WARISAN, KDM, PBM dan 2 orang ahli Parlimen Bebas. PN (74 ahli Parlimen) tidak menyertai Kerajaan Perpaduan dan bertindak menjadi pembangkang.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, keputusan PRU-15, 2022 mencatatkan sejarah politik Malaysia yang tersendiri bahawa parti politik perlu bergabung selepas pilihan raya untuk membentuk Kerajaan Perpaduan yang stabil sepertimana yang dicadangkan oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Setiap parti politik mempunyai kekuatan yang tersendiri dan menguasai wilayah masing-masing tanpa didominasi oleh satu parti politik sahaja. Adalah menjadi formula politik baharu bahawa parti politik perlu bergabung untuk membentuk kerajaan yang mewakili semua pihak di negara ini. Melainkan, kepimpinan sesuatu parti politik dapat memberi perkhidmatan yang terbaik kepada semua bangsa, semua kawasan dan semua kelas sosial, baharulah parti politik tersebut mendapat kepercayaan secara tunggal untuk memerintah negara ini. Oleh itu, ahli politik perlu mengambil iktibar atau pengajaran daripada keputusan politik pengundi Malaysia pada PRU-15, 2022 agar dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik tanpa mengira bangsa, agama, wilayah dan kelas sosial demi mendapat kepercayaan, undi dan mandat majoriti pada PRU akan datang.

Rujukan

- Ab. Rashid Ab. Rahman & G. Manimaran. (2021). *Pilihan Raya Demokrasi Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abu Muhamad. (2021). *Parti Keadilan Rakyat: Jejak-Jejak Kelahiran, Mengislah Kenegaraan*. Shah Alam: Majlis Pimpinan Negeri (MPN) Parti Keadilan Rakyat (PKR) Selangor.
- Agenda Massa. (2022). *Dari PRU-14 ke PRU-15*. Cyberjaya: Enigma Fikir Sdn. Bhd.
- Ahmad Faezal. (2020). *Langkah Sheraton*. Kuala Lumpur: Patriot Publishing Sdn. Bhd.
- Anis Anwar. (2020). *Kiblat Pilihan Raya Umum Ke-15*. Dlm. Koridor Kuasa. Ampang: O2 Research.
- Anwar Ibrahim. (2022). *Membangun Negara Madani: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi*. Shah Alam: IDE Research Centre Sdn. Bhd.
- Azhari Karim. (2021). *The Politics of Visioning and Coalition Building in Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Bose, R. (2021). *Final Reckoning: An Insider's View of the Fall of Malaysia's Barisan Nasional Government*. Singapore: Penguin Random House SEA Pte Ltd.
- Chan, T. C. (2022). *Making Democracy Work: Institutional Reforms for Malaysia*. Petaling Jaya: SIRD.
- Dennis Ignatius. (2021). *Paradise Lost: Mahathir & The End of Hope*. Kuala Lumpur: DJI Publications.
- Edmund Terence Gomez & Mohamed Nawab Mohamed Osman. (2020). Introduction: Malaysia's 14th General Election and UMNO's Fall: Intra-Elite Feuding and the

- Pursuit of Power. In Edmund Terence Gomez & Mohamed Nawab Mohamed Osman. *Malaysia's 14th General Election and UMNO's Fall: Intra-Elite Feuding and the Pursuit of Power*. Oxon: Routledge.
- Francis Paul Siah. (2020). *Hijack in Malaysia: The Fall of Pakatan Harapan*. Sibuh: Trac-Wheels (M) Sdn Bhd.
- Harold Jangus. (2018). *May 9th 2018: The Day Malaysians Finally Opened Their Eye and Saved the Nation!*. Puchong: Vinlin Press Sdn Bhd.
- Hasri Harun. (2020). Mengkhianati Mandat Rakyat atau Menjaga Kestabilan Negara. Dlm. Institut Darul Ehsan. *Khianat: Tumbangnya Kerajaan Pilihan Rakyat*. Shah Alam: IDE Research Centre Sdn. Bhd.
- Helen Ting Mu Hung. (2022). *Electoral System Change for a More Democratic Malaysia? Challenges and Options*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hishamuddin Rais. (2022). *Merakam Sejarah: "Turun Jalan Raya Menang Pilihan Raya*. Petaling Jaya: SIRD.
- Irwan Shah Zainal Abidin. (2021). *Reflections on the Malaysian Economy Post-GE14: Issues and Challenges*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Ismail Sualman. (2021). The Role of Social Media on Political Voting Behaviour in 14th General Election. In Ismail Sualman, Fariza Hanis Abdul Razak & Nuurrianti Jalli. *Media, Politics and Democracy in the 14th Malaysian General Election*. Shah Alam: Penerbit UiTM.
- Ismail Sualman, Suhaimie Saahar@Saabar & Noor Nirwandy Mat Nordin. (2021). Trend pengundian menjelang pilihan raya ke-14. Dlm. Ismail Sualman, Suhaimie Saahar@Saabar & Noor Nirwandy Mat Nordin. *Media & Pilihan Raya ke-14*. Shah Alam: Penerbit UiTM.
- Junaidi Awang Besar. (2016). Perkaitan sumber maklumat dengan sokongan kepada parti politik. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 32(1): 47-78.
- Junaidi Awang Besar. (2017). Trend pengundian dalam Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-13. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities* 12(2): 126-149.
- Junaidi Awang Besar. (2018). Analisis faktor geografi terhadap pola pengundian dalam Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14, 2018 di Malaysia. *International Conference on Social Sciences And Humanities (ICOSH-7) 2018*. Anjuran dan Tempat Persidangan: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor. 12-15 November.
- Junaidi Awang Besar. (2019). Perubahan politik dalam pilihan raya umum (PRU) ke-14, 2008 di Malaysia. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space* 15(4): 220-232.
- Junaidi Awang Besar. (2021a). Evolusi dan dinamika geopolitik dan sosiopolitik gerakan politik di Malaysia. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities* 18(2): 12-28.
- Junaidi Awang Besar. (2021b). Pengaruh geografi terhadap pola pengundian dalam Pilihan Raya Umum ke-14. Dlm. Amer Saifude Ghazali & Junaidi Awang Besar (Editor). *Geografi Pilihan Raya di Malaysia: Amalan dan Aplikasi*, hlm. 105-140. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Junaidi Awang Besar. (2021c). Geopolitik etnik dalam Pilihan Raya Umum ke-14. Dlm. Amer Saifude Ghazali & Junaidi Awang Besar (Editor). *Geografi Pilihan Raya di Malaysia: Amalan dan Aplikasi*, hlm. 159-202. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Junaidi Awang Besar. (2021d). Pengenalan. Dlm. Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Nur Azuki Yusuff (Penyelenggara). *Dinamika Politik Pilihan Raya di Malaysia dalam PRU-14*, hlm. 1-42. Kota Bharu: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.

- Junaidi Awang Besar. (2021e). Prestasi UMNO dan Parti Amanah Negara (AMANAH) dalam PRU-14 dan Pasca PRU-14. *International Journal of Law, Government and Communication* 6(24): 30-58.
- Junaidi Awang Besar. (2022a). Mahu Pengundi Pilih Calon. *GETARAN*. <https://www.getaran.my/artikel/politik/34743/poster-tok-mat-penuhi-rembau-itu-bukti-bn-mahu-pengundi-pilih-calon>. 9 November.
- Junaidi Awang Besar. (2022b). INTERACTIVE: In GE15s battle for rural seats, here is what you need to know. *The Star Online*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/11/16/interactive-in-ge15s-battle-for-rural-seats-here-is-what-you-need-to-know>. 16 November.
- Junaidi Awang Besar. (2022c). Parti Keadilan Rakyat (PKR) dalam Pilihan Raya Umum dan pemilihan PKR 2022: Impak dan masa hadapan dalam geopolitik Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication* 7(29): 339-358.
- Junaidi Awang Besar. (2022d). Geopolitik wanita dalam politik pilihan raya Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication* 7(29): 190-204.
- Junaidi Awang Besar, Abdul Muein Abadi & Ahmad Afif Zulkipli. (2018). Gelombang rakyat dalam Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14, 2018 di Malaysia. *Seminar Antarabangsa Ke-7, Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu (ASBAM 7, 2018)*. Tempat: Jayakarta, Lombok Beach Resort & Spa, Nusa Tenggara Barat, Indonesia. Anjuran Bersama: Universitas Hasanuddin (UNHAS), Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia; Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universitas Islam Al-Azhar, Mataram, Indonesia. 28-29 Julai.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Nur Azuki Yusuff. (2021). Pasca PRU-14: Dinamika politik menuju PRU-15. Dlm. Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Nur Azuki Yusuff (Penyelenggara). *Dinamika Politik Pilihan Raya di Malaysia dalam PRU-14*, hlm. 471-584. Kota Bharu: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Junaidi Awang Besar, Nur Ellyanis Mohd Basori & Muhammad Hazim Abdul Ghani. (2020). Prestasi dan penerimaan pengundi terhadap Parti Islam Semalaysia (PAS) dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 di Wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities* 17(4): 60- 77.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Abdul Halim Sidek, Jeniri Amir Rosmadi & Novel Lyndon. (2012). Persepsi politik pengundi belia Melayu pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 di Malaysia *Jurnal Melayu* 9: 191-214.
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Mohd Azlan Abdullah, Mazlan Ali & Ahmad Rizal Mohd Yusof. (2014). Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu analisis 'Tsunami Politik Bandar'. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*. 10: 28-38.
- Junaidi Awang Besar, Ahmad Rizal Mohd Yusof, Amer Saifude Ghazali, Mazlan Ali, Nur Azuki Yusuff, Nasir Nayan & Siti Noranizahhafizah Boyman. (2020a). Pola pengundian dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) 2018 di Malaysia di kawasan bandar dan luar bandar. *International Journal of Law, Government and Communication* 5(19): 128-144.
- Junaidi Awang Besar, Nur Ellyanis Mohd Basori, Mokhtar Ahmad, Mohd Nizar Sudin, Mohd Nor Hafis Ahmad Pauzan, Munauwarah Ziauddin & Ahmad Afif Zulkipli. (2020b). Pilihan Raya Kecil (PRK) pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2018 di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication* 5(19): 21-53.
- Junaidi Awang Besar, Ahmad Rizal Mohd Yusof, Nasir Nayan, Siti Noranizahhafizah Boyman, Mazlan Ali & Aajirah Hanim Abdul Halim. (2021). Trend pengundian

- dalam Pilihan Raya Umum 1986-2018 di Malaysia berdasarkan pemetaan geografi. *International Journal of Law, Government and Communication* 6(25): 40-63.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Lam Kuok Choy & Mokhtar Jaafar. (2022). *Atlas Pilihan Raya Umum 11, 2004*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kauthar Rozmal, Khairul Azri & Najib Sahari. (2019). *Jangan Selewengkan Ekonomi Malaysia*. Ampang: Patriot Publication.
- M. Kamal Hassan. (2022). *Korupsi dan Kemunafikan dalam Politik Melayu: Perlunya Disegerakan Transformasi Moral-Etika*. Kuala Lumpur: Emir Research.
- Malike Brahim & Abdul Salim Tajudin. (2022). *Politik Melayu: Penentu Kelangsungan Kuasa Barisan Nasional*. Petaling Jaya: Read Resources.
- Mohammad Qayyum A. Badaruddin. (2022). *Anwar Ibrahim PM10*. Kajang: Casamas Resources.
- Mohd Azhar Abd Hamid & Kassim Thukiman. (2022). Naratif 'kaum dan agama' mampu gugat agenda perpaduan nasional. *BHarian Online*. <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2022/11/1030277/naratif-kaum-dan-agama-mampu-gugat-agenda-perpaduan-nasional>. 23 November.
- Mohd Azizuddin Mohd Sani, Amerul Muner Mohammad, G. Manimaran, Noor Sulastry Yurni Ahmad & Khoo Ying Hooi. (2022). *Prospect of Electoral Reforms in Malaysia*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Izani Mohd Zain. (2022). *Konflik dan Konsensus dalam Kerjasama Politik*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Izani Mohd Zain. (2022). Dinamika demokrasi dan penjajaran baharu politik dalam era pandemik COVID-19 di Malaysia. Dlm. Mohd Izani Mohd Zain, Adlina Ab Halim & Mohd Mahadee Ismail. *Politik, Etnisiti & Peradaban: Malaysia Pasca 2020*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Noor Yazid. 2023. Perkembangan Politik Malaysia Pasca PRU-15. *Dewan Masyarakat*. 02/Februari. Jilid 60.
- Mohd Sayuti Omar. (2023). *Noktah. Sebuah Penantian Anwar PM 10*. Kuala Lumpur: Tinta Merah.
- Ronifira Rejab. (2023). *Anwar PM10: Airmata dan Sumpah, Duri dan Ranjau Sebuah Perjalanan*. Kuala Lumpur: Jagat Media PLT.
- Muhaimin Sulam. (2021). *Menang dan Terbuang: Demokrasi. 'Deep State' dan Darurat*. Kuala Lumpur: Ilham Books.
- Muhamad Nadzri Mohamed Noor. (2020). Ops Sheraton and Implikasinya Terhadap Konsep Politik dan Perundangan Malaysia. Dlm. Muhamad Takiyuddin Ismail & Suffian Mansor (Editor). *Tujuh Hari Panjang Saga Sheraton*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhamad Takiyuddin Ismail. (2019). *Bantuan Demokrasi dan Pendanaan Asing di Malaysia Melewati Pertukaran Regim*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhamad Takiyuddin Ismail & Norazam Mohd Noor. (2021). *Pemantauan Pilihan Raya di Malaysia: Tadbir Urus dan Peranan Masyarakat Sivil*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad Fathi Yusof. (2022). *The Independence and Integrity of Election Commission in Malaysia*. Johor Bharu: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohammad Tawfik Yaakub, Ilyas Abdullah & Rashid Ating. (2021). Pengaruh Masyarakat Sivil Terhadap Kerjasama Politik Melayu-Islam di Malaysia Pasca Pilihan Raya Umum Ke-14. Dlm. Makmor Tumin, Sharifah Hayaati Syed Ismail & Mazlan Che Soh. *Islam dan Dinamika Masyarakat Sivil di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Muhammad Yusri Muzamir. (2022). PRU15: Pola undi popular berubah secara signifikan. *BHarian*. *Online*.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/11/1028982/pru15-pola-undi-popular-berubah-secara-signifikan>. 20 November.
- Muhammad Zaini Rizal Harris Fadilah & Novel Lyndon. (2021). *Peranan Media Sosial dalam Penyebaran Propaganda Politik di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Murray Hunter. (2022a). No one party rule after GE-15. In Murray Hunter & Lim Teck Ghee. *Malaysia Towards GE15 and Beyond*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Murray Hunter. (2022b). GE15: The Coming Battle for the Malay Heartland. In Lim Teck Ghee & Murray Hunter. *Dark Forces Changing Malaysia*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Nafisah Hisam, Irfan Foner & M. Hussin Abd. (2021). *#Undi18: Belia Malaysia Memilih*. Kuala Lumpur: Irfan Foner Studio.
- Nik Nazmi Nik Ahmad. (2023). *Anak Malaysia: Sebuah Perjalanan Politik Progresif*. Kuala Lumpur: Ilham Books.
- Nor Miswary Ramli. (2022). *Membina Semula Harapan Malaysia*. Petaling Jaya: The Biblio Press Enterprise.
- Norazlan Hadi Yaacob. (2022). Gerakan Islam dan demokrasi di Malaysia 1982-2018: Persaingan dan kerjasama. Dlm. Zulkanain Abdul Rahman & Abu Hanifah Haris (Editor). *Budiman: Kumpulan Esei Sempena Persaraan Profesor Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Noordin Zakaria. (2023). PAS Lencongkan Undi Anak Muda. Dlm *Dewan Masyarakat*. Bil. 01, 34-35.
- NSTP Research and Information Services. (1994). *Election in Malaysia: A Handbook of fact and Figures on the Elections 1955-1990*. Kuala Lumpur: The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad.
- Nur Ellyanis Mohd Basori & Junaidi Awang Besar. (2020). Pengaruh media terhadap sokongan kepada parti politik di Malaysia. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities* 17(5): 62- 80.
- Nur Ellyanis Mohd Basori, Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. (2022). Jati diri dan pola pengundian belia Melayu dalam PRU 14. Dlm. Azlina Abdullah, Nur Hafizah Yusoff & Mohd Fuad Mat Jali. *Pemeriksaan Belia dan Wanita*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Osman Ayob. (2023). Kerajaan Perpaduan: Cabaran Untuk PM ke-10. Dlm *Dewan Masyarakat*. Bil. 01, 36-37.
- Ostwald, K. (2019). Against the Odds: Malaysia's Electoral Process and Pakatan Harapan Unlikely Victory. In Francis E. Hutchinson & Lee Hwok Aun. *The Defeat of Barisan Nasional: Missed Signs or Late Surge?*. Singapore: ISEAS Publishing
- Rahman Imuda. (2022). *Politik Sarkis: Malaysia Pasca 9 Mei 2018*. Kuala Lumpur: Ilham Books.
- Rahman Shaari. (2021). *Politik Tuk Ketua Yang Muram & Yang Tenteram*. Ampang: Pekan Ilmu Publications Sdn. Bhd.
- Rosmadi Fauzi, Mohd Muslim Said & Muhammad Fathi Marzuki. (2019). Cabaran Hala Tuju Politik Malaysia Pasca PRU Ke-14. Dlm. Zulkanain Abdul Rahman, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali (Pnyt). *Pilihan Raya Umum ke-14: Isu dan Cabaran Malaysia Baharu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Shah Mohd Akmal Abdul Halim. (2023). 54 Tahun Meniti Perjuangan yang Panjang. Dlm *Dewan Masyarakat*. Bil. 01, 6-11.
- Sivamurugan, P. (2022). PRU-15: Tinjauan Calon PM. Dlm. *Dewan Masyarakat*, bil, 12.
- SUARAM. (2020). *Malaysia Human Right Report 2019: Civil and Political Right*. Petaling Jaya: Suara Inisiatif Sdn. Bhd.
- SUARAM. (2022). *Malaysia Human Right Report 2021: Civil and Political Right*. Petaling Jaya: Suara Inisiatif Sdn. Bhd.
- Ummu Atiyah Ahmad Zakuan. (2022). *Women in the House: Leadership in the Malaysian Parliament*. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- Zawiyah Mohd Zain. (2021). *Ketidakakuran Sivil dan Pendemokrasian Landskap Politik Malaysia 1998-2018*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.